



## KENYATAAN AKHBAR

### KEMENTERIAN ALAM SEKITAR

---

#### JABATAN ALAM SEKITAR GAGALKAN CUBAAN BAWA MASUK BATERI ASID PLUMBUM TERPAKAI (BUANGAN BERBAHAYA) SECARA HARAM DARI AUSTRALIA

---

**31 MAC 2020, KLANG** - Kementerian Alam Sekitar (KAS) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) berjaya menggagalkan cubaan untuk mengimport lima (5) unit kontena yang mengandungi buangan berbahaya iaitu bateri asid plumbum terpakai di Pelabuhan Klang, Selangor pada 30 Mac 2020. Penghantaran kontena-kontena ini dilakukan tanpa mendapat kelulusan dari Pihak Berkuasa Konvensyen Basel bagi Malaysia iaitu JAS dan ianya adalah sebagai pengimportan haram sepertimana Artikel 9, Konyensyen Basel.

Susulan daripada siasatan dan pemeriksaan yang dijalankan, JAS telah mengeluarkan Notis Arahan di bawah Seksyen 31(1) dan Seksyen 37(1), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 kepada syarikat perkapalan dan **mengarahkan syarikat tersebut menghantar pulang kelima-lima kontena tersebut ke negara asal iaitu Australia**. Siasatan lanjut JAS ke atas penerima (*consignee*) mendapati bahawa **alamat-alamat yang dinyatakan dalam rekod penghantaran adalah palsu**.

Bateri asid plumbum terpakai ini diklasifikasikan sebagai buangan berbahaya (*hazardous waste*) di bawah Konvensyen Basel dan dikategorikan sebagai buangan terjadual buangan bateri asid plumbum, kod SW 102, di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Lima

(5) unit kontena tersebut merupakan sebahagian daripada 23 kontena muatan buangan berbahaya yang disyaki akan dihantar ke Malaysia yang sebahagiannya telah ditahan di pelabuhan di Australia.

JAS merupakan *focal point* dan Pihak Berkuasa Konvensyen Basel bagi Malaysia. Sebarang pengimportan dan pengeksportan buangan terjadual ke dalam atau ke luar Malaysia hendaklah mendapat kelulusan bertulis dari Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling terlebih dahulu sebagaimana yang dikehendaki di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Berdasarkan Konvensyen Basel, mana-mana negara pengeksport hendaklah mengemukakan notifikasi kepada negara pengimport dan mendapat kebenaran bertulis dari negara pengimport terlebih dahulu sebelum sebarang pergerakan merentasi sempadan dilaksanakan.

Operasi ini telah mendapat kerjasama daripada pihak Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Lembaga Pelabuhan Klang dan Wesport Sdn. Bhd. Kejayaan menangani cubaan membawa masuk buangan berbahaya ini secara haram adalah merupakan hasil usaha sama dua-hala antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia bagi membanteras pergerakan buangan berbahaya merentasi sempadan. JAS akan terus bekerjasama dengan Kerajaan Australia bagi memastikan kelima-lima kontena tersebut dihantar pulang dan siasatan serta tindakan penguatkuasaan dapat diambil oleh pihak yang berkenaan. JAS juga akan meneruskan kerjasama di peringkat antarabangsa dalam menangani dan membanteras penghantaran buangan berbahaya secara haram ke dalam negara.

**-TAMAT-**

**Sebarang maklumat lanjut sila hubungi:**

YM Tunku Khalkausar Binti Tunku Fathahi@Fathi  
Pengarah, Bahagian Bahan Berbahaya, Jabatan Alam Sekitar Putrajaya  
Emel: [anies@doe.gov.my](mailto:anies@doe.gov.my)

Encik Sharudin Rosli  
Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Alam sekitar Putrajaya  
Emel: [sharudin@doe.gov.my](mailto:sharudin@doe.gov.my)

Dikeluarkan pada 31 Mac 2020, 9.00 pagi

## LAMPIRAN



Bateri asid plumbum terpakai yang terdapat di dalam kontena



Bateri asid plumbum terpakai yang terdapat di dalam kontena